

**Rosmah Sampaikan Ucapan Khas Pada Forum Abu Dhabi
Bernama
23 November , 2011
Oleh Ibnu Khusairi Ibnu Aris**

ABU DHABI, 23 Nov (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, dijadual menyampaikan satu ucapan khas hari ini pada Forum Kepimpinan Wanita (WIL) 2011 di sini.

Ucapan beliau dijangka menyentuh penglibatan wanita dalam perniagaan dan ekonomi pada forum yang dihadiri kerabat diraja dari negara Teluk, isteri pemimpin-pemimpin negara serantau, pegawai-pegawai korporat, pengarah sumber manusia serta pemilik syarikat dan ketua-ketua jabatan dan pengurusan.

Rosmah tiba malam tadi dan disambut oleh Datuk Malaysia ke Emiriyah Arab Bersatu Datuk Yahaya Abdul Jabar. Beliau juga dijadual menghadiri upacara penyampaian Anugerah Sheikha Shamsa Bint Suhail untuk Wanita Kreatif.

Forum WIL selama dua hari itu merupakan platform yang antara lainnya menyediakan peluang bagi menjalin rangkaian.

Antara pesertanya ialah Prof Datuk Dr Mazlan Othman, rakyat Malaysia yang merupakan Pengarah Pejabat Pertubuhan Bangsa Bersatu Bagi Hal Ehwal Angkasa Lepas.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=629111>